

# Jangan 'buang' remaja hamil luar nikah

UB 09-12-2011 A5

KOTA KINABALU: Jika keluarga perlu menerima hakikat dan memberi peluang kedua kepada remaja yang hamil luar nikah, rakan sebaya turut memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran yang membolehkan remaja terbabit kembali membina keyakinan diri.

Persekitaran dengan keluarga, rakan dan masyarakat yang bersedia memberi peluang kedua boleh mengelakkan gadis terbabit bertindak melampaui batas kemanusiaan dengan menggugurkan kandungan atau membuang bayi mereka.

Rakan sebaya berperanan memberi kata-kata semangat agar gadis terbabit tidak membuat keputusan terburu-buru yang boleh membawa kepada salah laku lebih besar seperti membunuh, sama ada diri sendiri atau bayi mereka.

Bagi Busra Nawawi, 23, walaupun masyarakat bersedia menerima semula gadis terbabit namun mereka tidak harus menjadikan keadaan itu sebagai jaminan untuk mengulangi kesalahan mereka.

"Punca mereka terjerumus mungkin kerana pergaulan bebas, ditambah lagi dengan keinginan untuk berseronok. Mereka sepatutnya menjaga batas pergaulan sejak awal lagi."

"Tetapi, sekiranya mereka sudahterlanjur, sebagai rakan, mungkin boleh nasihatkan mereka dan berikan kata-kata semangat agar mereka tidak mengambil tindakan terburu-buru," katanya kepada *Utusan Borneo*, kelmarin.

Ditemui di Seminar Semurni Kasih di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Busra berkata sokongan daripada keluarga adalah amat penting untuk memberi keyakinan dan semangat kepada remaja yang terlanjur agar tidak hilang keinginan untuk hidup.

"Rakan-rakan tidak seharusnya 'membuang' rakan mereka yang terlanjur kerana ini pasti akan menambah tekanan, seterusnya menyebabkan mereka buntu dan tidak bersemangat untuk hidup," katanya.

Siti Zainab Abdul Kadir, 24, pula berpendapat isu hamil anak luar nikah dan buang bayi bukanlah perkara baru. Katanya, kesedaran tentang isu itu juga masih rendah.

"Masih banyak usaha perlu dilaksanakan untuk menyedarkan masyarakat tentang seriusnya perkara terutamanya kepada aspek sosial," katanya.

Ditanyatentangpendekatan yang boleh diambil untuk



BUSRA



RUSNANI

membantu remaja yang terlanjur ini, katanya, kata-kata semangat diperlukan oleh gadis yang hamil anak luar nikah.

Justeru, tambah Siti Zainab, keluarga dan rakan sebagai orang paling rapat dengan gadis terbabit harus memberikan kata-kata semangat dan motivasi.

"Paling penting, jangan biar mereka ulang kesilapan yang sama. Mereka harus disedarkan dari terus membuat kesilapan.

"Tentang anak yang dikandung, itu bukanlah salah bayi itu malah mereka berhak untuk hidup. Kalau sudah dilahirkan tetapi masih tidak mahu dijaga, bayi berkenaan boleh dihantar ke rumah kebajikan. Jangan bunuh atau buang kerana bayi itu berhak hidup," katanya.


Meminta remaja yang terlanjur berfikir secara rasional, Rosnani Ibrahim, 21, berkata tindakan terburu-buru hanya akan memudaratkan diri remaja terbabit kerana banyak kesan buruk akan timbul selepas itu.

"Paling utama, rasa bersalah selepas menggugurkan kandungan atau membuang bayi itu akan menghantui remaja terbabit sampai bila-bila," katanya.

Berucap di seminar yang sama, Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur berkata penganjuran seminar itu adalah sebahagian daripada penglibatan universiti terbabit dalam sambutan Hari Wanita Sedunia.

Sebelum ini, turut diadakan teater muzikal 'Semurni Kasih Ummi' dan projek penyelidikan mengenai persepsi terhadap penggunaan kaedah pendekatan pengurangan kemudaratkan dalam pemulihan remaja yang hamil luar nikah.

Program-program terbabit merupakan sebahagian daripada Kempen Semurni Kasih, inisiatif daripada Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna yang menggabungkan unsur-unsur hiburan, pendidikan dan



SITI ZAINAB

penyelidikan melalui geran berjumlah RM100,000.

"UMS berbangga untuk menjadi rakan kongsi dalam mencari penyelesaian bagi menangani isu pemuliharaan dan pembuangan bayi yang semakin serius ketika ini selain berharap kerjasama ini akan dapat diteruskan pada masa hadapan," katanya.